



TARIK TALI

PERATURAN PERMAINAN

SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA



SBAM | 2023
KEDAH



SADA

PERATURAN PERMAINAN TARIK TALI BERPASUKAN SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA

Perkara 1: Nama

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Tarik Tali Berpasukan Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 2: Undang-Undang/Peraturan

Semua pertandingan hendaklah mengikut Undang- Undang dan Peraturan Persatuan Tarik Tali Malaysia, Peraturan Permainan dan Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 3: Penyertaan

Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi Perkara 5 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 4: Kategori, Pendaftaran, Kelayakan Pemain

1. Tarik Tali 8 sepasukan. Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi boring penyertaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan.
2. Setiap kontijen dibenarkan mendaftar 1 pasukan sahaja yang terdiri daripada 12 orang peserta (8 pemain + 4 simpanan).

Perkara 5: Timbangan Badan

1. Timbangan peserta akan dilakukan 1 hari sebelum pertandingan dijalankan.
2. Berat timbangan keseluruhan 8 orang pemain tidak boleh melebihi 720 Kilogram (tanpa kasut).

Perkara 6: Pakaian Pemain

1. Rujuk Perkara 9 Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.
2. Peserta tidak dibenarkan memakai kasut atau sarung tangan semasa pertandingan.
3. Jersi pasukan hendaklah seragam.
4. Penggunaan Tali Pinggang Keselamatan dan Jacket Tarik Tali ('Anchor Pad' untuk 'Achorman') adalah dibenarkan.

Perkara 7: Penentuan Kumpulan dan Sistem Pertandingan

1. Penentuan kumpulan rujuk Perkara 8 Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia
2. Permainan akan dimainkan secara 'Best of 3'.
3. Riben berwarna merah akan diikat pada jarak 4 meter untuk menandakan pertengahan tali.
4. Penentuan kedudukan gelanggang untuk setiap pasukan akan ditentukan melalui lambungan syiling oleh pengadil.
5. Sekiranya tali riben 'marker' melepasi penanda garisan yang telah ditetapkan maka pasukan tersebut dikira menang.
6. Jika kedua-dua pasukan seri, setiap pasukan akan diberi masa rehat selama 5 minit untuk tarikan berikutnya.
7. Mata kemenangan adalah seperti berikut:
 - Menang 2-0: 3 mata
 - Menang 2-1: 2 mata
 - Kalah 1-2: 1 mata
 - Kalah 0-2: 0 mata
8. Pasukan yang mendapat mata terbanyak akan dikira pemenang kumpulan.
9. Jika terdapat pasukan yang mendapat jumlah mata yang sama, pasukan yang memenangi set perlawanan terbanyak akan dikira pemenang.

10. Jika masih seri pasukan yang mempunyai jumlah set kekalahan paling sedikit akan dikira pemenang.
11. Jika masih seri, maka pasukan yang memenangi perlawanan antara 2 pasukan tersebut dikira pemenang.
12. Jika masih seri pasukan yang mempunyai berat timbangan paling sedikit diantara 2 pasukan tersebut dikira pemenang.

Perkara 8: Arahan Semasa Pertandingan

Pengadil tengah akan memberi arahan seperti berikut:

- 'Angkat Tali'
- 'Tegangkan Tali'
- 'Sedia'
- Tiupan Wisel Pendek – Mula
- Tiupan Wisel Panjang - Tarikan Tamat
- Tiupan Wisel Berturut - Tarikan Dibatalkan / No Pull

Perkara 9: Salah Laku 'Infringements' yang Membatalkan Permainan

1. Duduk 'Sitting' - Duduk di atas tanah dengan sengaja berturut-turut atau terlalu lama atau gagal kembali kepada posisi menarik setelah tergelincir.
2. Menyandar 'Leaning' - Mana-mana bahagian badan (selain dari tapak kaki) menyentuh tanah atau pemain lain.
3. Mengunci 'Locking' - Tindakan pegangan/himpitan yang boleh mencegah tali dari bergerak.
4. Menahan 'Proping' - Memegang atau kedudukan tali yang tidak melalui di antara badan dan bahagian tangan atas.
5. Posisi 'Position' - Keadaan duduk di atas kaki atau betis sendiri, atau lutut/peha pemain dibelakangnya atau kaki sendiri tidak melepasi bahagian lutut.

6. Memanjat Tali 'Climbing the Rops' - Memegang tali dengan cara membawa tangan satu-persatu ke hadapan secara bergilir-gilir sedangkan kaki bergerak.
7. Mendayung 'Rowing' - Menarik tali secara duduk di atas tanah kemudian membawa kaki ke belakang dan dilakukan berturut-turut.
8. 'Posisi Anchorman' - Tali mestilah melalui bawah lengan, dinaikkan ke atas bahu dan melalui tangan. Hujung tali dilepaskan bebas ke sebelah luar. Kedua-dua tangan adalah seperti lain-lain pemain.
9. Melepaskan Tali - Mana-mana pasukan yang berlawanan dengan sengaja melepaskan tali yang boleh mengakibatkan kecederaan terhadap pasukan lawannya maka pengadil berhak memutuskan untuk memberi kemenangan pada tarikan tersebut terhadap pasukan lawan.
10. Tidak Bergerak 'Inactivity' - Kedua-dua pasukan tidak berusaha untuk menarik terus sehingga keadaan tali tidak bergerak dalam tempoh jangkamasa yang lama. Dalam keadaan ini, jika difikirkan perlu, pengadil boleh menghentikan tarikan pada bila - bila masa yang sesuai dengan keputusan Tiada Tarikan atau 'No Pull' dan tarikan semula akan dilakukan.

Perkara 10: Menarik Diri, Memberi Kemenangan Percuma dan Gagal Hadir

11. Perkara 11 dalam Peraturan Am Bekalan Air Se-Malaysia digunapakai.
12. Pasukan yang menang akan diberi mata kemenangan 3 mata dengan keputusan perlawanan 2-0.

Perkara 11: Bantahan

Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara 16 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 12: Keadaan Luar Jangka

Perkara 19 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia digunapakai.